

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID  
[PENGERANG]**

**SOALAN : 95**

**Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah penentuan sesuatu tarikh Pilihan Raya Kecil itu dibuat sedangkan satu prosiding mahkamah sedang berlangsung mengenai legitimasi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) kerana Suruhanjaya itu telah dikendalikan oleh seorang individu sahaja tanpa anggota Suruhanjaya yang lain setelah enam anggota SPR meletakkan jawatan berkuat kuasa 1 Januari 2019 yang lalu yang mana bercanggah dengan Perkara 114 Perlembagaan Persekutuan.

**SOALAN NO.95**

**JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Mahkamah Tinggi Shah Alam pada 25 Februari 2019 telah memutuskan bahawa keputusan penetapan tarikh bagi Pilihan Raya Kecil Dewan Undangan Negeri N.24 Semenyih, Selangor adalah betul dan sah walaupun ia dibuat ketika Suruhanjaya Pilihan Raya tidak dianggotai sepenuhnya.

Sekian, terima kasih.

